KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 26/1/2022 (RABU) | MUKA SURAT | : | 19 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |



# Didenda RM28.2j miliki hidupan liar

## Lelaki turut dipenjara 6 bulan selepas mengaku bersalah

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

**Sibu:** Seorang lelaki berusia 58 tahun dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan denda RM28.2 juta kerana memiliki pelbagai jenis burung dan hidupan liar, termasuk 28,181 sisik tenggiling.

Mengesahkan perkara itu, Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC), berkata Hakim Mahkamah Sesyen Marutin Pagan menjatuhkan hukuman selepas tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu.

"Dia didakwa mengikut Seksyen 29(2) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 kerana memiliki 22.14 kilogram sisik tenggiling di Kanowit, Sibu pada jam 10.30 pagi, 21 Januari 2022 tanpa sebarang lesen atau kebenaran sah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, SFC meminta orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat mengenai pihak yang menangkap, memburu, berniaga atau memelihara hidupan liar yang dilindungi.

Maklumat boleh disalurkan dengan menghubungi talian hotline SFC di 019-8859996 (Kuching), 019-8883561 (Sibu), 019-8332737 (Bintulu) atau 019-8290994 (Miri).



*Sisik tenggiling yang dirampas daripada tertuduh di Kanowit, Sibu pada 21 Januari lalu.* (Foto Melvin Joni/BH)